

# CERA-SCALP OINTMENT

Coal Tar Solution/ Salicylic Acid/ Sulphur (12% w/w / 2% w/w / 4% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cera-Scalp Ointment
2. Bagaimana Cera-Scalp Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cera-Scalp Ointment
4. Cara menggunakan Cera-Scalp Ointment
5. Semasa menggunakan Cera-Scalp Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cera-Scalp Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pnegilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Cera-Scalp Ointment. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Cera-Scalp Ointment berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Cera-Scalp Ointment

Cera-Scalp Ointment adalah untuk merawat masalah kulit kepala bersisik seperti *psoriasis*, *seborrhoeic dermatitis*, kelemumur dan ekzema.

## Bagaimana Cera-Scalp Ointment berfungsi

Cera-Scalp Ointment berfungsi dengan mengurangkan sisik masalah kulit. Coal Tar Solution dan sulphur mengurangkan keradangan pada kulit dan salicylic acid membantu menghilangkan sisik.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Cera-Scalp Ointment

-Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan mengguna Cera-Scalp Ointment sekiranya:

- Hipersensitif kepada mana-mana bahan produk.

Jangan guna jika anda mengalami mana-mana keadaan yang disenaraikan di atas. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Kehamilan dan penyusuan badan: Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Cera-Scalp Ointment

Cara menggunakan Cera-Scalp Ointment:

- Bahagikan rambut dan sapu satu lapisan nipis Cera-Scalp Ointment. Cera-Scalp di kawasan kulit kepala yang terjejas. Perlahan-lahan gosokkan Cera-Scalp Ointment dan meninggalkan di atas kulit kepala selama kira-kira satu jam. Segera basuhkan tangan selepas itu.
- Bersihkan Cera-Scalp Ointment selepas satu jam dari kulit kepala dengan membilas air suam dan syampu. Berhati-hati untuk mengelakkan daripada sentuhan dengan mata. Sentiasa mencuci tangan dengan segera selepas digunakan.

## -Berapa banyak harus digunakan Untuk rawatan kelemumur:

Untuk digunakan sekali seminggu.

Untuk rawatan psoriasis, ekzema, seborrhoeic dermatitis dan kelemumur yang serius:

Sapu setiap hari selama tiga hingga tujuh hari sehingga ia bertambah pulih. Sapu sekali-sekala untuk memastikan ia terus bertambah pulih.

## -Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor anda sekiranya gejala-gejala anda tidak bertambah baik selepas empat minggu rawatan.

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa ambil.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Cera-Scalp Ointment

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cera-Scalp Ointment.

Hentikan penggunaan jika kerengsaan berlaku.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

# CERA-SCALP OINTMENT

Coal Tar Solution/ Salicylic Acid/ Sulphur (12% w/w / 2% w/w / 4% w/w)

---

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Cera-Scalp Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja.

## **Kesan-kesan sampingan**

Cera-Scalp Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan. Ini termasuk:

- Kerengsaan kulit
- Keradangan folikel rambut
- Jarang,hipersensitiviti kepada cahaya matahari

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Cera-Scalp Ointment**

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan dingin serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat selepas tarikh luput yang tercatat pada label.

## -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.

Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Cera-Scalp Ointment adalah jisim berminyak, licin dan berwarna kuning keperangan dengan bau tar batu arang yang tersendiri.

Cera-Scalp Ointment boleh didapati dalam tiub 40 g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap 40g mengandungi Coal Tar Solution 12% w/w, Salicylic Acid 2% w/w dan Sulphur 4% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Coconut oil, White soft paraffin, Glycerol, Cetostearyl alcohol, Liquid paraffin, Polyoxethylene glycerol monostearate, Hard paraffin.

### -Nombor MAL:

MAL08111774X

## **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

-05/07/2023

## **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)040417/00054